

21 JUL 1998

Parlimen-nafi

ANWAR NAFI KEPIMPINAN PM MEMBAWA KEPADA PENYUSUTAN NILAI RINGGIT

KUALA LUMPUR, 21 Julai (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim menafikan dakwaan bahawa kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah membawa kepada penyusutan nilai ringgit.

" Adalah tidak benar dengan menyatakan bahawa kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah membawakan kepada penyusutan nilai ringgit.

"Seperti yang telah ditekankan berulang kali oleh Perdana Menteri, dasar pelaburan asing tidak akan berubah dan kerajaan akan terus menyokong aktiviti-aktiviti sektor swasta sebagaimana masa-masa yang lalu," katanya dalam jawapan bertulis kepada Lim Guan Eng (DAP-Kota Melaka) di Dewan Rakyat di sini hari ini.

Menurutnya, kuasa pasaran kadar pertukaran asing dipengaruhi oleh pelbagai faktor jangka masa pendek dan panjang.

Faktor jangka masa pendek adalah berkaitan sentimen pasaran, prestasi ekonomi, kadar faedah, prestasi pasaran saham dan keadaan politik, kata Anwar yang juga Menteri Kewangan.

Faktor jangka masa panjang pula berkaitan dengan asas-asas ekonomi seperti pertumbuhan ekonomi, inflasi, imbangan pembayaran dan kedudukan hutang luar negeri, kata Anwar.

" Kombinasi daripada faktor-faktor inilah yang akan menentukan permintaan dan penawaran ringgit," tambah beliau.

Anwar juga berkata (penyusutan) nilai ringgit juga dipengaruhi oleh kesan penularan krisis kewangan Asia.

Baru-baru ini, matawang-matawang serantau termasuk ringgit telah dipengaruhi oleh kelemahan yen Jepun berbanding dengan dolar Amerika Syarikat, kata beliau.

Beliau menambah Malaysia telah mengambil langkah-langkah yang komprehensif bagi memulihkan ekonomi dan kestabilan sistem kewangan dalam menghadapi kesan krisis serantau di peringkat tempatan.

" Bila langkah-langkah ini menunjukkan kesan dan memulihkan keyakinan pasaran, dengan sendirinya kadar pertukaran akan bertindakbalas serta menggambarkan keadaan asas-asas ekonomi yang sebenar," katanya.

Di samping langkah-langkah tempatan untuk menstabilkan nilai ringgit, prestasi matawang juga bergantung kepada faktor luaran, kata Anwar.

Pemulihan ringgit juga turut dibantu dengan kestabilan pasaran kadar pertukaran asing serantau, katanya.

-- BERNAMA

HAK WAT